

Latihan kerjaya di **Technology Park**

Kuala Lumpur: Seramai 11 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) memenangi Pertandingan Usahawan Tekno Terbaik bersempena dengan Simposium & Pameran Usahawan Tekno Inovasi (TISE) di sini, baru-baru ini.

Kejayaan itu melayakkan pemenang mendapat peluang bimbingan kerjaya selama enam bulan di Pusat Inovasi dan Inkubasi Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM).

Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Azman Shahidin, berkata pemenang pertandingan akan menerima bimbingan dalam pelbagai aspek pengurusan dan pendekatan terbaik mengkomersialkan idea mereka untuk mendaftarkan modal teroka.

"Sejajar matlamat korporat kami untuk membantu perusahaan baru, TPM akan membimbing mereka dalam aspek memohon pelbagai kemudahan dan bantuan kewangan yang disediakan menerusi program pengko-

mersialkan berstruktur di pusat inkubator TPM," katanya.

Pertandingan Usahawan Tekno Terbaik yang julung kali itu hasil kerjasama Peratuan Saintifik Malaysia dan WENCOM Career Consultancy (WENCOM) serta diiktiraf Dewan Perniagaan & Industri EU Kesatuan Eropah-Malaysia

serta Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman.

Senarai pemenang

Anugerah Usahawan Tekno Muda Terbaik dimenangi pasukan Universiti Tunku Abdul Rahman Kuala Lumpur yang diwakili Gan Yu Han dan Leong Chee Ken dan memper-

taruhkan projek Sistem Kedu-dukan Kontur (CPS).

CPS ialah teknologi baru yang dicipta untuk kenderaan elektrik (EV) bagi mengira dan menganggarkan dengan tepat jumlah tenaga bateri yang diperlukan untuk memandu ke destinasi tertentu.

Rosazlin Abdullah yang

kini mengikuti program ijazah doktor falsafah bidang Sains Tanah di Universiti Putra Malaysia memenangi tempat kedua menerusi projek Com-posted Recycled Paper Mill Sludge.

Sementara itu, Anugerah Usahawan Tekno Pelajar Terbaik dimenangi pasukan

empat pelajar tahun akhir Institut Teknologi Kejuruteraan Kimia Malaysia Universiti Kuala Lumpur yang dianggotai Muhammad Ruzaidi Ismadi, Shahrul Azzim Abd Aziz, Muhammad Aizat Zainal Azman dan Ahmad Aizat Samad.

Mereka menerima pengiktirafan itu menerusi projek BioChar iaitu penghasilan arang daripada sekam padi bagi menyuburkan tanah.

Tempat kedua dimenangi oleh sekumpulan empat pelajar tahun akhir Komputer Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi projek Recycle Bingo iaitu aplikasi khas untuk dimuat turun dalam telefon bimbit bagi memudahkan pelaksanaan projek kitar semula membabitkan masyarakat setempat.

UPM diwakili Cheong Hoong Jun, Tan Yeong Zhuang, Sham Wai Rock dan Ching Kin Keong.

Hadiah disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Zarah Syed Ahmad dalam majlis pembukaan TISE itu.



Pemenang Pertandingan Usahawan Tekno Terbaik diraikan bersempena dengan majlis perasmian TISE di Kuala Lumpur, baru-baru ini.